

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS DOA SELAMAT DAN TAHLIL
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 12-08-1988

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Teramat Mulia Tengku-Tengku; Saudari-saudari sekalian, Syukur alhamdulillah ke hadrat Illahi kerana kita dapat berkumpul pada petang ini untuk menunaikan hajat BAKTI bersama dengan tetamu-tetamu jemputan. Saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada saudari-saudari kerana sudi hadir bersama untuk menyampaikan tiga hajat BAKTI petang ini.

2. Yang pertama ialah untuk menyambut kepulangan ahli-ahli BAKTI setelah mereka menunaikan fardu haji dan mengucapkan tahniah dan syukur kerana dapat menyempurnakan ibadah haji itu dengan selamat dan sihat walafiat. Hajah-hajah baru kita ialah Datin Hajah Faridah, Datin Hajah Hasenah, Toh Puan Hajah Wan Ramlah, Dr. Hajah Wan Azizah, Hajah Siti Mariam, Hajah Mariam, Hajah Noraini, Hajah Rusni dan Datin Paduka Hajah Mahani. Semoga mereka dikurniakan hajah yang mabrur dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala segala doa yang mereka lafazkan di hadapan Kaabah itu, insya-Allah.

3. Pada 29hb. Jun, 1988 di Istana Pahang, Kuala Lumpur, Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang, Tengku Afzan telah mangkat setelah gering selama 6 bulan. Semasa menjadi Raja Permaisuri Agong dan Tengku Ampuan Pahang Darul Makmur, Almarhumah Tengku Afzan adalah seorang yang berjiwa rakyat, rapat kepada rakyat jelata dan dikasihi oleh rakyat. Kita dalam BAKTI dan PUSPANITA mengingati Almarhumah khas sebagai pemain badminton yang handal yang membawa Almarhumah kepada kumpulan-kumpulan wanita seluruh negara dengan mudah. Kumpulan-kumpulan agama juga akan memperingati Almarhumah Tengku Afzan sebagai seorang yang paling tekun dengan agama dan sentiasa mengatur dan menjemput kita dalam majlis-majlis keagamaan di Istana. Tidaklah hairan kita di kala melihat betapa tenangnya Almarhumah Tengku Afzan di saat-saat yang akhir menerima takdir Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dalam Islam ikhtiar adalah wajib, dan kita semua mengetahui bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan keluarga di Raja telah berikhtiar sedaya upaya supaya Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan pulih semula tetapi Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja yang menentukan akhirnya.

4. Majlis ini memperingati Almarhumah Duli Yang Maha Mulia Tengku Afzan, Tengku Ampuan Pahang Darul Makmur dengan membaca tahlil dan doa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala mengurniakan kepada roh Almarhumah rahmat bahagia dan menempatkannya dalam syurga bersama-sama dengan orang-orang yang soleh. BAKTI mengucapkan terima kasih kepada anakanda-anakanda Almarhumah kerana sudi hadir bersama kita di Majlis ini.

Saudari-saudari,

5. Dua hari lagi, umat Islam akan menyambut 1hb. Muharam tahun baru 1409 Hijrah. Upacara khas sambutan Ma'al Hijrah ini akan diadakan di Pusat Islam. Kita di Malaysia perlu berasa insaf dan sujud syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat meraikan Ma'al Hijrah secara terbuka dan dalam keadaan aman damai. Dalam sebuah negara di mana umat Islam cuma lebih sedikit daripada 50%, kita dapat meraikan majlis-majlis agama dengan bebas dan sempurna. Sebaliknya di negara-negara lain di dunia, sungguhpun ada yang 100% umat Islam, mereka tidak dapat menyambut Ma'al Hijrah kerana negara mereka tidak aman.

6. Marilah kita berdoa semoga Allah sentiasa mengurniakan perasaan insaf dan kesyukuran kepada kita supaya kita akan membaharui tekad dan sifat kita untuk mendapatkan kehidupan yang lebih bermakna, lebih positif dan lebih berkesan untuk diri, keluarga, masyarakat dan bangsa kita. Bangsa Melayu yang mengamalkan agama Islam perlu sedar bahawa dalam negara kita yang majmuk ini, persaingan tetap berlaku. Nilai-nilai Islam seperti disiplin, ketekunan, kerajinan dan beramanah, kebersihan dan sifat-sifat mulia dan bertanggungjawab perlu dipupuk dalam sanubari kita semua sama ada dewasa mahupun

kanak-kanak supaya bangsa Melayu yang baru, yang cemerlang, dapat dilahirkan di negara ini, berani dan cekap cergas untuk menghadapi segala cabaran dan persaingan dengan jaya.

7. Apa yang kita doakan nanti ialah supaya umat Islam di negara ini bersatu padu, kukuh dan kuat demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Sebagai kaum wanita kita perlu membuat resolusi-resolusi pada 1hb. Muharam ini untuk menyedari betapa pentingnya peranan kita sebagai isteri, ibu dan ahli masyarakat kerana kitalah penggerak dan pengubah keadaan yang efektif jika perubahan yang dikehendakki itu baik untuk bangsa dan generasi kita yang akan datang. Kelemahan-kelemahan yang ada perlulah dikikis, ilmu pendidikan perlu dicari, hati dan sikap kita perlu bersih dan mulia berpandukan dengan ajaran-ajaran Islam. Bersyukurlah kita kerana negara kita sentiasa aman dan makmur dan terlindung daripada berbagai bencana alam semula jadi.

8. Kita berdoa menjelang tahun 1409 Hijrah ini, sinar matahari cerah memancar dengan aman damai, makmur dan bahagia bagi rakyat di negara kita yang tercinta ini.

Insafilah kita untuk berbuat baik kerana hayat manusia terlalu pendek dan kehidupan kita di dunia ini cuma sementara sahaja.

Saudari-saudari yang mulia,

9. Kita akan mendengar satu ceramah mengenai kekesanan 1hb. Muharam oleh Ustazah Rosniati bt. Harun dari Pusat Islam, sementara menunggu tibanya waktu Asar.

10. Setelah membaca Yassin, bertahlil dan doa selamat, kita akan bersembahyang berjemaah yang mana ianya merupakan satu kaedah Islam untuk bermesra dan bersatu hati mengadap Allah Subhanahu wa Ta'ala.

11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada tetamu-tetamu jemputan BAKTI, khasnya Yang Teramat Mulia Tengku-Tengku dari Pahang Darul Makmur, Ahli-ahli PERKIM, PUSPANITA dan kumpulan-kumpulan agama kerana kehadiran saudara-saudari. Kepada rakan-rakan saya dalam BAKTI yang membawa juadah untuk majlis ini, saya ucapkan berbilang terima kasih daun keladi.

12. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala merestui dan memberkati majlis kita ini, insya-Allah.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.